



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27
MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)
NO. 45, JALAN TUN ISMAIL
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03 - 4051 6000
Faks : 03 - 4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (45)

Tarikh : 13 November 2024

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN
BAGI PERMOHONAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN
TAHUN 2024 BAGI PENYEDIA LATIHAN AWAM DAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa sesi pendaftaran pelatih secara dalam talian bagi permohonan pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran bagi tahun 2024 **akan ditutup bermula pada 30 November 2024 jam 12.00 tengah hari atau tertakluk kepada kesediaan dana semasa**. Penutupan pendaftaran pelatih ini akan melibatkan semua Skim Pinjaman Dan Pembiayaan yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua urusan permohonan pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran secara dalam talian berjalan lancar, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan supaya mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Pengarah Kanan
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)